

Oleh
KHAIRUL ANUAR RUSLI



(Pembantu Penyelidik Fakulti Kejuruteraan,
Universiti Putra Malaysia)

Membudayakan inovasi di universiti

Pengumuman 2012 sebagai Tahun Gerakan Inovasi Nasional dilihat sebagai satu langkah bijak dan proaktif kerajaan dalam membudayakan inovasi di segenap lapisan masyarakat. Usaha ini bertepatan dengan perancangan hala tuju Malaysia demi mencapai Wawasan 2020.

Sehubungan itu, warga universiti perlu melihat senario ini sebagai satu landasan dan suntikan semangat atas usaha memantapkan lagi aktiviti penyelidikan dan inovasi kerana peranan universiti ialah sebagai satu daripada tonggak kemajuan sesebuah negara.

Justeru, universiti perlu mengambil kesempatan untuk bersaing secara sehat kerana di universiti tempat berhimpunnya golongan ilmuwan dan sarjana yang mampu menghasilkan output baru untuk kegunaan bersama. Inovasi tidak hanya berkisar mengenai produk atau teknologi yang dihasilkan, malah ia merangkumi aspek pemikiran dan sistem perkhidmatan itu sendiri.

Konsep inovasi juga telah digunakan oleh kerajaan dalam mentransformasikan pembangunan ekonomi negara. Model ekonomi baru yang diilhamkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak ialah berasaskan inovasi, kreativiti dan aktiviti tambah nilai.

Dalam konteks proses pembelajaran di universiti misalnya, tugas yang diberikan kepada pelajar perlu disuntik dengan elemen pemikiran di luar kotak yang mampu mencabar kreativiti dan inovasi pelajar itu sendiri.

Perubahan perlu dilakukan

Amalan konvensional dalam pelaksanaan tugas berbentuk penulisan laporan dan pembentangan di bilik kuliah mungkin boleh digantikan dengan sesuatu yang lebih segar dan mampu memanfaatkan banyak pihak.

Contohnya, jika sebelum ini pelajar kursus Diploma Pengurusan Sumber Manusia hanya didedahkan dengan lawatan industri dan tugas yang memerlukan sumber daripada internet, sedikit kelainan dan pembaharuan

boleh dilakukan dengan tugas seperti merancang dan menguruskan kursus latihan bagi staf universiti mereka sendiri.

Senario itu bukan saja dapat memberikan pengalaman sebenar alam pekerjaan kepada pelajar, malah juga dapat membantu pihak universiti melaksanakan program latihan dalam kalangan staf. Situasi menang-menang ini mampu menyemarakkan lagi konsep inovasi daripada perspektif pelajar itu sendiri.

Sistem pengurusan inovasi mahupun penyelidikan di universiti perlu jelas dan memudahkan semua pihak. Polisi yang diperkenalkan sebaiknya perlu bersifat mesra dan boleh bertindak sebagai pemangkin aktiviti inovasi itu sendiri.

Babitkan semua lapisan

Perlu diakui bahawa pembabitkan dalam aktiviti ino-

vasi memerlukan usaha tambahan yang kadangkala menuntut pengorbanan masa, tenaga mahupun wang ringgit. Maka dengan kewujudan sistem pengurusan yang berkesan, beban dihadapi warga universiti yang berminat untuk terbabit dengan inovasi dapat diringankan.

Selain itu, inovasi seharusnya tidak tertumpu kepada ahli akademik saja, ia boleh diilhamkan oleh mana-mana lapisan warga komuniti universiti tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Sewajarnya bantuan dan ganjaran ditawarkan secara sama rata kepada mereka yang terbabit dengan usaha inovasi dan penyelidikan mengikut keperluan yang bersesuaian.

Hal ini kerana setiap penghasilan daripada penyelidikan dan inovasi pasti memberi impak kepada universiti secara menyeluruh. Meraikan inovasi bukanlah sekadar mempamerkan kain rentang

semata-mata dan tidak perlu diadakan di tempat berstatus bintang yang menelan belanja tinggi. Apa yang penting sebenarnya ialah sebarang sambutan berkaitan dengan inovasi perlu disampaikan dengan berkesan.

Semangat sambutan hari inovasi perlu sampai ke dalam hati dan pengetahuan seluruh warga universiti. Ia perlu meresap ke dalam jiwa supaya menimbulkan satu kehairahan dan menjadi perkara yang dinantikan pada saban tahun. Melalui inisiatif ini, warga universiti dapat mengetahui status terkini pencapaian universiti seterusnya memotivasikan mereka untuk terus berusaha dengan lebih gigih dalam menyumbang kepada pembangunan universiti.

Peranan pemimpin

Memetik kata-kata Naib Canselor Universiti Putra Malaysia, Prof Datuk Ir Dr Radin

Umar Radin Sohadi, 'contoh kepemimpinan terbaik ialah kepemimpinan melalui teladan'. Ungkapan itu begitu signifikan dalam merencanakan hala tuju inovasi dan penyelidikan di sesebuah universiti.

Kepimpinan di peringkat universiti, fakulti mahupun setiap pusat tanggungjawab yang mengutamakan aktiviti inovasi pasti akan mengubah senario kerja yang lebih berdaya saing dan sentiasa maju ke hadapan.

Fokus perlu diberikan sepenuhnya kepada usaha menggalakkan inovasi dalam kalangan kakitangan tanpa terganggu dengan minat masing-masing. Alangkah rugi seandainya individu yang bertanggungjawab lebih mengutamakan perkara lain berbanding pemantapan aktiviti inovasi di universiti.

Membudayakan inovasi perlu bermula hari ini dengan semua pihak dalam komuniti universiti perlu menyahut cabaran dan memainkan peranan masing-masing secara ikhlas dan berkesan.

Inovasi bukan saja perlu berlaku dalam penyelidikan, malah budaya kerja, perancangan, kepimpinan dan minda warga universiti itu sendiri. Peranan inovasi sebagai pemacu transformasi perlu dipandang serius dalam meniti perjalanan menuju status universiti bertaraf antarabangsa.